



مسجد ولاية فرسكو تون كوالا لومفور

MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

BAHAGIAN PENTADBIRAN, MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

JALAN TUANKU ABDUL HALIM, 50480 KUALA LUMPUR.

TELEFON : 03-62018791 / 767 FAKS : 03-62018790 WEB : www.masjidwilayah.gov.my EMAIL : masjidwp@jawi.gov.my

SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN DEWAN NIKAH

1. Majlis akad nikah hendaklah dijalankan di **Dewan Nikah (Anjung C)** yang dikhaskan sahaja. Tempat lain seperti di dewan solat utama, bilik tetamu, dewan jamuan dan lain-lain adalah **tidak dibenarkan**.
2. Kadar bayaran bagi penggunaan dewan nikah adalah **RM50.00 sejam** dan dimasukkan ke dalam tabung yang telah disediakan di dalam dewan nikah sebelum upacara akad nikah. Sekiranya ingin membatalkan tempahan, pemohon atau wakil bertanggungjawab memaklumkan kepada pihak masjid dengan **segera**.
3. Kebenaran diberikan terhad kepada kekosongan tempahan dewan nikah sahaja.
4. Penggunaan dewan adalah berdasarkan tarikh dan waktu tempahan sahaja. Upacara akad nikah yang berlangsung pada hari bekerja (isnin – jumaat) akan bermula selepas jam 5.00 petang, manakala pada hari sabtu, ahad atau cuti umum bermula jam 9.00 pagi.
5. Tempoh **penggunaan adalah 1 (satu) jam sahaja (Hanya untuk tujuan nikah sahaja)**, Lain-lain tujuan seperti majlis pertunangan dan sebagainya hendaklah disempurnakan di tempat lain.
6. Pastikan pengantin dan individu lain seperti wali dan saksi-saksi yang berkenaan bersedia di dewan nikah sekurang-kurangnya $\frac{1}{2}$ jam sebelum masa tempahan.
7. Pengantin dan semua tetamu hendaklah **menutup aurat dengan sempurna**.
8. Pemohon atau wakil disarankan supaya mengingatkan jurunikah yang bertugas untuk hadir pada waktu tempahan sekurang-kurangnya **sehari** sebelum majlis.
9. **Tidak dibenarkan sama sekali** memasang pelamin atau sebarang alatan tambahan bagi tujuan hiasan. Hanya bantal atau alas duduk pengantin sahaja dibenarkan.
10. Penggunaan punca elektrik hanya dibenarkan dengan kebenaran bertulis dari pejabat pentadbiran masjid sahaja.
11. **Makan & minum di dalam dan di sekitar dewan adalah tidak dibenarkan sama sekali**.
12. Pemohon atau wakil bertanggungjawab menyerahkan Surat Kebenaran Nikah (Borang Perakuan Nikah) yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah selewat-lewatnya **5 hari bekerja** sebelum tarikh tempahan kepada jurunikah bertugas. **Kegagalan berbuat demikian akan dianggap membatalkan tempahan**.
13. **Upah bagi Jurunikah adalah sebanyak RM150.00 untuk 1 pasangan. Manakala saksi RM50.00 untuk 2 orang**.